



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR SELANGORKINI
25-31 OKTOBER 2018

AKHBAR

MUKA SURAT

Selangorkini

- | | |
|---------------------------------------|----|
| - Cantuman jajaran Bas Smart Selangor | 05 |
| - MPAJ rangkul anugerah di Perancis | 19 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR SELANGORKINI
25-31 OKTOBER 2018

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	Cantuman jajaran Bas Smart Selangor
Muka Surat	05

Hubungkan MPS - MPAJ, mudahkan rakyat

Cantuman jajaran Bas Smart Selangor

SELANGORKINI 25 - 31/10/18 M/S 05

OLEH AFIX REDZUAN



GOMBAK - Jajaran Bas Smart Selangor diharapkan dapat menghubungkan dua Pihak Berkusa Tempatan di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selangor (MPS) ke Kuala Lumpur.

Pegawai Daerah dan Tanah Gombak, Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata, cantuman jajaran bas Smart Selangor penting supaya pengguna dapat menikmatinya secara berterusan.

"Bas percuma Smart Selangor paling penting dan perlu ada kesinambungan. Kawasan Selayang dan Ampang Jaya tidak bercantum disebabkan Kuala Lumpur.

"Bas MPAJ sampai Melawati tetapi tidak disambung kepada Klang Gates. Saya juga sudah memohon MPAJ memanjangkan perkhidmatan bas Smart Selangor ke Klang Gates dan seterusnya ke LRT Melati kerana ia lokasi terakhir bas MPS.

"Di daerah Gombak, orang yang tinggal di Hulu Klang boleh menikmati bas percuma jika ingin ke Rawang. Sekarang kalau orang Hulu Klang nak ke Rawang, tiada bas yang menghubungkan," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu sudah diketengahkan supaya perkhidmatan Bas Smart Selangor dapat diperluaskan serta menggabungkan dua daerah selain berharap isu sempadan Kuala Lumpur-Selangor dapat diselesaikan segera.

Katanya, perkhidmatan bas percuma dibawah Inisiatif Peduli Rakyat itu memberikan reaksi positif kepada rakyat dan diharapkan kesepakatan pentadbiran di Putrajaya-Selangor boleh mempercepatkan urusan itu.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR SELANGORKINI
25-31 OKTOBER 2018

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	MPAJ rangkul anugerah di Perancis
Muka Surat	19

SelangorKini 25 - 31 Oktober 2018 |

Pengurusan bandar cemerlang

MPAJ rangkul anugerah di Perancis

SELANGORKINI

OLEH NADIAH ZAMLUS

25-31/10/18 M/S 19.

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berjaya merangkul Anugerah Pengurusan Bandar Cemerlang; di Perancis, baru-baru ini.

Ia juga sekali gus membolehkan Yang Dipertua-nya, Abd Hamid Hussain, mendapat pengiktirafan 'Manager of The Year' dari Europe Business Assembly (EBA) yang menganjurkan acara berkenaan.

Abd Hamid berkata, anugerah terbabit diberikan atas kecekapan pentadbiran dan pengurusan cemerlang MPAJ kepada masyarakat, selama ini.

"EBA adalah badan khas yang memantau kecekapan pentadbiran di peringkat kerajaan tempatan daripada sudut ciri kepimpinan pengurusan.

"Mereka turut memantau etika pelaksanaan kerja secara berhemah dan pencapaian kualiti 'standard' antarabangsa bagi organisasi yang dipimpin," katanya dalam temubual khas bersama Selangor-Kini.

Anugerah berkenaan disampaikan ketika Business Triumph Festival dan Malam Anugerah Eropah, di Cannes, Perancis, pada awal Oktober lalu.

Ia disampaikan Pengurus Jawatankuasa Penanggungjawab EBA, Prof John W.A Netting dan Presiden Kumpulan Global Club, Christina Briggs.

Abd Hamid berkata, pihaknya yakin kemenangan itu adalah hasil usaha MPAJ meningkatkan aktiviti bersama masyarakat selain berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatannya, saban tahun.

Katanya, selain program bersama masyarakat, MPAJ turut memandang serius perkhidmatan buat golongan Orang Kelainan Upaya.



"Selain anugerah ini, kami turut pernah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa termasuk di Filipina dan Singapura.

"Kami berbesar hati menerima pengiktirafan ini dan berharap supaya sentiasa dapat memberi yang terbaik kepada masyarakat," katanya.